

04/05/1997

Pembantu khas kepada empat Perdana Menteri

Zulkofli Jamaludin

PENGALAMAN bertugas dengan empat Perdana Menteri - Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meninggalkan banyak pengalaman serta kenangan manis kepada Khamisah Sabdin, 57.

Apa lagi setiap tokoh itu ada gaya tersendiri dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin negara.

Paling istimewa, kata Khamisah yang mula berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 1959, beliau juga berpeluang melihat pelbagai ragam orang yang ingin bertemu atau bercakap dengan Perdana Menteri.

"Tugas sebagai pembantu khas Dr Mahathir, misalnya, bukan saja mencabar, malah saya terpaksa menghadapi pelbagai ragam orang yang ingin berjumpa dan bercakap dengannya.

"Ada pemanggil ingin bercakap dengan Perdana Menteri, tetapi apabila diberitahu beliau sibuk menjalankan tugas, mereka kadangkala tidak faham, malah menyalahkan saya dan mendakwa tidak mahu menyambungkan," katanya yang bersara Rabu lalu.

Bagi menghadapi situasi seperti itu, beliau berkata, kesabaran adalah kunci, di samping memberikan alasan munasabah serta meminta pemanggil merujuk kepada pegawai berkaitan.

Ibu kepada lima anak itu bukan saja cemerlang dalam menjalankan tugas harian pejabat, malah berjaya menawan Gunung Kinabalu bersama suaminya Yahya Mohammad, ketika berusia 53 tahun.

Beliau juga satu-satunya pembantu khas di negara ini yang dianugerahkan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) pada 1985, sebagai penghargaan terhadap tugas cemerlang.

"Semua Perdana Menteri memiliki karakter tersendiri, tetapi Dr Mahathir paling istimewa.

"Saya bertuah dapat bekerja dengannya kerana beliau amat baik dan prihatin terhadap kakitangan. Jadi, tidak hairanlah beliau mengenali semua kakitangan di pejabatnya," kata Khamisah.

Beliau yang tinggal di Klang, terpaksa keluar sejak awal pagi dan bertugas sehingga Perdana Menteri meninggalkan pejabat kira-kira jam 6 petang atau 7 malam.

"Dr Mahathir kuat bekerja dan beliau biasanya membaca akhbar mulai jam 8 hingga 8.30 pagi sebelum memulakan tugas pejabat dan pulang pada lewat petang.

"Pada kebiasaannya, mulai jam 9 pagi Perdana Menteri sudah ada temu janji atau majlis rasmi. Walaupun sibuk, Dr Mahathir sedia berjumpa dengan seseorang mengenai perkara penting tanpa membuat temu janji," katanya.

Antara tugas Khamisah sebagai pembantu khas ialah menaip surat Perdana Menteri dalam bahasa Melayu dan Inggeris kepada menteri, ketua-ketua jabatan, orang kenamaan dan rakyat.

Menurutnya, dalam menjalankan tugas yang diamanahkan itu beliau terpaksa menapis panggilan dan merujuk kepada Perdana Menteri sama ada mahu menerimanya atau tidak.

"Tidak mudah untuk melepaskan semua panggilan. Kita perlu menapis panggilan bagi mengelak tugas Perdana Menteri terganggu.

"Jadi tidak hairanlah ada orang yang menulis kepada Dr Mahathir mendakwa saya menghalang mereka menemui Perdana Menteri," katanya.

Mengimbuai kembali pengalamannya bekerja sebagai jurutrenkas kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman pula, beliau berkata, Bapa Kemerdekaan itu

adalah seorang pemimpin yang mudah didekati.

"Ungkapan paling popular yang digunakan Tunku ialah `tak pa, tak pa'. Tunkulah yang memperkenalkan saya ikan pekasam - makanan popular di Utara Semenanjung, ketika meminta saya menyiapkan surat di kediamannya.

"Beliau selalu menjaga kebajikan pekerja bawahannya dan sering menjemput kami menghadiri majlis makan malam atau tengah hari di kediamannya yang terletak di sebelah JPM," katanya.

Khamisah yang bertugas di Bahagian Istiadat JPM ketika itu, turut terbabit dalam menyiapkan dokumen pembentukan Persekutuan Malaysia pada 1963. Ketika itu pegawai di JPM balik pada jam 3 atau 5 pagi dan bertugas semula pada jam 8 pagi.

Semua kakitangan Bahagian Istiadat, termasuk Ketua Penolong Setiausaha ketika itu, Datuk Sharif Ibrahim, bersengkang mata beberapa minggu menyiapkan dokumen bersejarah itu.

"Demi tugas, kakitangan kerajaan iltizam menjalankan tugas masing-masing bagi memastikan sejarah pembentukan Persekutuan berjaya," katanya.

Berbeza dengan Tunku, Tun Abdul Razak yang menjawat jawatan Perdana Menteri selepas peristiwa 13 Mei lebih serius menjalankan tugas.

Bagaimanapun, Tun Abdul Razak tetap ada hubungan baik dengan pekerja, termasuk kakitangan bawahan.

Khamisah berkata, beliau tidak ada pengalaman bekerja terus dengan Tun Hussein. Bagaimanapun, beliau seorang yang baik dan punyai hubungan rapat dengan kakitangan bawahan.

"Saya bekerja dengannya dalam tempoh yang singkat. Kalau bulan puasa, dia tidak pernah lupa menjemput kakitangan berbuka di rumahnya," katanya.

(END)